

Tajuk : UNIMAS Disaran Memfokuskan Kepada Bidang Biodiversiti

UNIMAS disaran memfokuskan kepada bidang biodiversiti

KUCHING: Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah menyarankan agar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) memberi fokus kepada bidang biodiversiti di negeri ini.

Katanya bukan sahaja Sarawak kaya dengan masyarakat majmuk yang makmur tetapi beliau yakin penyelidikan UNIMAS bakal menjadi pakar tersohor dan rujukan pakar luar negara.

Beliau turut mengingatkan agar UNIMAS bekerjasama rapat dengan

kerajaan tempatan demi menaruh keyakinan dalam membangunkan kemajuan negeri terutama Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

“UNIMAS mempunyai kelebihan kerana berada di Sarawak dan turut mendapat sokongan padu kerajaan negeri, adalah penting untuk membuktikan bahawa anda mampu menjadi pakar dan konsultan kepada polisi kerajaan,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Strategik UNIMAS 2015 di sini semalam.

Berucap mengenai buku baharu yang dilancarkan UNIMAS itu semalam, Saifuddin berharap ia menjadi manual kepada struktur tadbir urus yang stabil untuk semua pihak berkepentingan agar sentiasa berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain dalam membuat keputusan.

Objektif pelancaran buku terbaru itu bertujuan berkongsi dengan pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan tentang strategi UNIMAS ke arah 2015.

Sementara itu, Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid menjelaskan bahawa buku itu mengandungi beberapa strategi.

“Pada satu peringkat, untuk menggalakkan hubungan strategik di kalangan pihak berkepentingan dan pelanggan untuk memastikan situasi menang-menang.

“Pada peringkat seterusnya, menyediakan kursus-kursus akademik yang berkualiti yang diiktiraf,” katanya.